

29 NOV 2001

Mahathir-Takziah

DR MAHATHIR UTUS TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM USMAN AWANG

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini mengutus ucapan takziah kepada keluarga allahyarham Datuk Usman Awang.

Dr Mahathir dalam perutusan takziahnya berharap semua ahli keluarga allahyarham bersabar.

"Kami sekeluarga mendoakan semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mencucuri rahmatNya ke atas roh allahyarham dan dihimpunkan bersama-sama orang yang soleh," katanya dalam perutusan yang dihantar kepada anak sulung allahyarham, Haslina.

Sasterawan Negara itu yang juga dikenali dengan nama penanya Tongkat Warrant meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai kira-kira pukul 12.35 pagi tadi.

Allahyarham dimasukkan ke pusat perubatan itu pada pukul 8 malam semalam akibat penyakit kencing manis yang dihidapinya sejak 20 tahun lalu.

Usman, 72, meninggalkan empat anak iaitu Haslina (57), Iskandar (41), Mohd Yassin (40) dan Mayawati (28).

Dalam bidang penulisan, allahyarham mula bergiat menghasilkan sajak sejak tahun 1948 dan diikuti penulisan cerpen, novel dan skrip drama.

Antara sajak allahyarham yang terkenal ialah "Ke Makam Bonda" dan "Bunga Popi", manakala karya terakhirnya ialah sebuah antologi sajak berjudul "Dari Derita Bangsa".

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood turut mengucapkan takziah kepada kepada seluruh anggota keluarga allahyarham Usman.

Abdullah dalam ucapan takziah itu mendoakan semoga roh allahyarham Usman dicucuri rahmat oleh Allah SWT dan berharap anggota keluarganya bersabar semasa menghadapi saat-saat sedih ini.

Beliau mensifatkan pemergian Usman yang dikenalnya merupakan satu kehilangan besar kepada dunia sastera dan masyarakat di negara ini.

"Jasa allahyarham Usman Awang kepada dunia sastera terlalu besar dan tiada yang mampu menyaingi. Allahyarham ialah seorang sasterawan yang gigih dan kita kehilangan sebutir mutiara yang telah menyinari dunia sastera selama ini," kata Abdullah.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata negara kehilangan seorang seniman agung yang kekuatannya dapat memahami seni yang indah dalam bahasa yang mudah kepada rakyat biasa.

Katanya walaupun condong kepada haluan politik kiri tetapi allahyarham Usman tidak terikat kepada fahaman itu dalam memberikan penilaian yang adil dan penghormatan ke atas para pemimpin dalam sajak-sajaknya.

-- BERNAMA

MFJ MFJ LAT ZS NMO